



NOTA MAKLUMAT DAN PANDUAN MERIN
MARINE INFORMATION AND GUIDANCE NOTE

JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA

Ibu Pejabat Laut, Semenanjung Malaysia, Peti Surat 12, 42007 Pelabuhan Klang.

Tel: 03-3695100

Fax: 03-3685289, 3672882

E-mail: kpgr@marine.gov.my

NMPM 17/1999

<http://www.marine.gov.my>

BORANG LAPURAN BAGI PEMERIKSAAN PERUBATAN
REPORT FORM FOR MEDICAL EXAMINATION

Pemakluman kepada pengamal perubatan, pemilik kapal, nakhoda, pegawai dek, anak kapal serta mereka di Pusat Latihan Maritim

Notice to medical practitioners, shipowners, masters, deck officers, ratings and those concerned in the maritime training institutions

NPM 5/1999 dan NPM 14/1999 dirujuk

NPM 5/1999 and NPM 14/1999 is referred

Perenggan 8, 9 dan 12 dalam NPM 5/1999, dan NPM 14/1999 dirujuk.

Paragraphs 8, 9 and 12 of NPM 5/1999, and NPM 14/1999 are referred.

2. Mulai tarikh 1hb Januari 2000, borang JL/HEPP/D/09 dan JL/HEPP/D/16 akan digunakan untuk membuat laporan pemeriksaan perubatan.

2. Effective 1st January 2000, forms JL/HEPP/D/09 and JL/HEPP/D/16 will be used for the medical examination report.

3. Pengamal perubatan dikehendaki untuk mengisi kedua-dua borang diatas semasa melakukan pemeriksaan perubatan keatas seorang pelaut.

3. Medical practitioners are required to complete both the above forms when performing the medical examination on a seaman.

4. Sekiranya pelaut tersebut lulus pemeriksaan perubatan dan kategori kecergasan perubatannya adalah A atau A(T), maka pelaut akan diberikan borang JL/HEPP/D/09 – Perakuan pemeriksaan perubatan.

4. A seaman will be issued the form JL/HEPP/D/09 – Medical Examination Certificate if he passes the examination and gets an A or A(T) for his Category of Medical Fitness.

5. Jika pelaut mendapat kategori kecergasan perubatan selain dari A atau A(T), maka borang JL/HEPP/D/16 – Laporan Pengamal Perubatan perlu dikepilkkan bersama dengan JL/HEPP/D/09.

5. JL/HEPP/D/16 – Medical Practitioner's Report will be issued to the seaman along with the JL/HEPP/D/09 if the seaman gets a grade of category of medical fitness other than A or A(T).

6. Dimuka hadapan borang JL/HEPP/D/16 adalah laporan pengamal perubatan manakala di muka belakang adalah pengakuan pelaut yang ingin menjalani pemeriksaan perubatan.

6. On the front page of the form JL/HEPP/D/16 is the report of the medical practitioner while on the reverse page is the testimonial of seaman undergoing medical examination.

7. Pengamal perubatan yang diluluskan dikehendaki untuk menyimpan borang JL/HEPP/D/16 dalam rekodnya selama 3 tahun dan perlu dimajukan ke Jabatan Laut apabila diminta.

7. Approved medical practitioners are required to save the form JL/HEPP/D/16 in their records for 3 years and are to be produced to the Marine Department when requested.

8. Borang JL/HEPP/D/09 dan JL/HEPP/D/16 diberikan percuma dan dikepilkkan bersama dengan notis ini.

8. Forms JL/HEPP/D/09 and JL/HEPP/D/16 are issued free and are attached with this notice.